

19/06/1999

Majlis perasmian meriah

ACARA tradisi menaikkan bendera Umno berlangsung dalam suasana meriah, sekali gus menandakan permulaan Perhimpunan Agung Umno ke-53 di ibu pejabat parti di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Pada upacara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti, menaikkan bendera merah putih dengan sebilah keris hijau terpampang di satu bentuk bujur kuning di tengah-tengahnya.

Sebelum itu, Dr Mahathir turut memeriksa barisan 100 ahli Briged Putra Pemuda Umno dan Wanita Umno.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri yang juga Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

(END)